



28 Februari 2017

KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

PUSPAKOM TIDAK MENJUAL PELEKAT PEMANTUL CAHAYA

Shah Alam, 28 Februari – Kenyataan media ini bertujuan untuk menjelaskan beberapa fakta yang mengelirukan dan infomasi yang tidak tepat semakin tular di media beberapa hari kebelakangan ini. Laporan-laporan berkaitan harga pelekat pemantul cahaya ini telah menyebabkan imej PUSPAKOM tercalar, dan kami berharap penjelasan ini akan menjelaskan keadaan yang sebenar.

PUSPAKOM ingin mengingatkan orang ramai supaya tidak terperdaya dengan pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba mempengaruhi harga pelekat pemantul cahaya dan cuba memutarbelitkan fakta mengenai pemasangan dan penjualan pelekat pemantul cahaya ini.

Kekeliruan 1: PUSPAKOM menjual pelekat pemantul cahaya

PUSPAKOM **TIDAK** menjual pelekat pemantul cahaya tetapi hanya menyediakan ruang di beberapa pusat pemeriksaan PUSPAKOM untuk aksesori ini dijual kepada pelanggan kami. Dua pengeluar, iaitu 3M Malaysia dan Orafol Reflective Solutions telah diberikan ruang tersebut, kerana pelekat pemantul cahaya mereka menepati standard SIRIM MS 828:2011. Ruang ini diberikan kepada mereka demi kemudahan pelanggan PUSPAKOM.

Perlu diingatkan bahawa PUSPAKOM tidak pernah mengiktiraf mana-mana pengeluar pemantul cahaya kerana ini adalah di luar bidang kuasa kami. Pengiktiradan ini diberi oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada bulan Oktober 2016, atas dasar produk mereka menepati pensijilan MS 828:2011 daripada SIRIM.

Kekeliruan 2: Pelekat pemantul cahaya ini hanya boleh didapati di PUSPAKOM

Produk 3M Malaysia dan Orafol Reflective Solutions ini juga boleh dibeli di mana-mana pengedar mereka. Kaunter-kaunter jualan pelekat pemantul cahaya dua pengeluar tersebut ditempatkan di PUSPAKOM sebagai inisiatif PUSPAKOM untuk memudahkan orang ramai mendapatkan pelekat pemantul cahaya tersebut.

Kekeliruan 3: PUSPAKOM menentukan harga pelekat pemantul cahaya

Harga pelekat pemantul cahaya keluaran 3M Malaysia dan Orafol Reflective Solutions menetapkan harga jualan pelekat pemantul cahaya mereka. PUSPAKOM **TIDAK** terlibat dalam penentuan harga, cara promosi atau taktik pemasaran mereka dan tidak mengambil komisen ataupun margin daripada penjualan produk tersebut.

Kekeliruan 4: Kenderaan akan gagal pemeriksaan jika tidak menggunakan reflektor yang dibeli dari PUSPAKOM

PUSPAKOM hanya mempunyai mandat memeriksa pelekat pemantul cahaya yang dipasang pada kenderaan komersil, berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh JPJ. Garis panduan piawaian reflektor boleh didapati di laman web PUSPAKOM, www.puspakom.com.my.

Fakta dan latar belakang pemeriksaan reflektor di PUSPAKOM

JPJ telah mewajibkan pemasangan pelekat pemantul cahaya (reflektor) yang mempunyai standard SIRIM MS 828:2011 mulai 1 Januari 2017 bagi semua kenderaan perdagangan berat BDM 3,500kg ke atas, dan semua bas bermula pada 1 Julai 2017.

JPJ dan PUSPAKOM telah membuat pengumuman dan memberi garis panduan tentang piawaian pemeriksaan reflektor yang dijalankan di PUSPAKOM sebagai rujukan untuk pemilik kenderaan yang berkenaan pada tahun lepas.

Peranan PUSPAKOM adalah menjalankan pemeriksaan dan memastikan agar kesemua kenderaan perdagangan berkaitan mematuhi penggunaan reflektor piawaian SIRIM MS 828:2011 serta mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh JPJ.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, para pelanggan boleh menghubungi talian bebas tol PUSPAKOM di 1-800-88-6927 atau emel customerservice@puspakom.com.my.

###

Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan

PUSPAKOM Sdn. Bhd.
03-2052 7465

Mengenai PUSPAKOM

Ditubuhkan pada tahun 1994, PUSPAKOM, anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad, merupakan satu-satunya syarikat pemeriksaan kenderaan yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk melakukan semua pemeriksaan mandatori terhadap kenderaan awam dan perdagangan, serta kenderaan persendirian untuk tujuan pembiayaan sewa beli, tukar milik dan pendaftaran kenderaan import.